

# KENAPA ASRI TERIMA TEORI DOMINO?

**KUALA LUMPUR, 10 Mac**  
— Timbalan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir hari ini mempersoalkan kenapa Yang Dipertua Agung PAS Datuk Asri Haji Muda sanggup menerima Teori Domino?

golongan orang-orang Melayu yang akan memerangi UMNO habis-habisan.

"Dengan itu menimbulkan perpecahan antara orang-orang Islam di negara ini dan juga huru-hara."

Dr. Mahathir menarik perhatian terhadap negara-negara Islam yang telah menjadi Marxist kerana perpecahan orang-orang Islam sendiri.

"Contoh yang jelas ialah Afghanistan

kekuatan rakyat sendiri, tetapi UMNO tetap percaya, Datuk Asri yang tidak percaya," katanya.

Timbalan Perdana Menteri kemudiannya menyeru seluruh rakyat agar jangan lemah semangnat dengan kenyataan

"Bila orang PAS kena tahan, PAS marah tetapi bila orang-orang UMNO kena tahan di bawah undang-undang yang sama PAS tidak pun bersuara.

"Ini memberi erti bahawa kalau PAS menjalankan undang-undang Islam, maka orang-orang UMNO akan ditangkap tetapi orang-orang PAS boleh buat apa sahaja.

"Kita tidak bersikap demikian, kita telah menjalankan Akta Keselamatan Dalam Negeri dengan adil, dua orang

Katanya, kenyataan serupa itu boleh melemahkan semangat rakyat untuk menghadapi ancaman komunis.

"UMNO tidak terima teori ini, PAS terima", tegasnya.

Bercakap di dalam satu pertemuan dengan Utusan Malaysia hari ini, Dr. Mahathir telah menyatakan sedih dan kesal yang amat sangat kerana Datuk Asri merasa perlu untuk membuat kenyataan serupa itu ketika umat Islam sedang menghadapi ancaman, tekanan dan cabaran yang amat besar dari pihak komunis.

Datuk Asri memberitahu muktamar khas PAS di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini baru-baru ini bahawa Teori Domino yang memang tidak usang itu "mungkin lambat laun akan berlaku juga".

Beliau tidak dapat menentukan masanya kerana "ianya banyak bergantung kepada perkembangan politik dari masa ke masa."

Dr. Mahathir berkata apa yang disuarakan oleh Yang Dipertua Agung PAS itu sama dengan 'Suara Revolusi' dan "saya ingin bertanya kenapakah akhir-akhir ini suara Datuk Asri sama dengan Suara Revolusi terutama sekali di dalam masalah demonstrasi penanam-penanam padi di Kedah?"

Beliau seterusnya mengemukakan bahawa ada dua perkara yang didakuhkan oleh PAS sekarang iaitu:

- Mengatakan orang-orang UMNO tidak Islam.
- Kemungkinan berlakunya Teori Domino.

Di dalam perkara pertama, kata Dr. Mahathir, tujuannya ialah untuk menimbulkan

sendiri di mana terdapat orang-orang Islam yang anti Soviet tetapi mereka gagal untuk menentang pencerobohnya kerana mereka sendiri lemah kerana berpecah belah," katanya.

Mengenai keyakinan PAS bahawa Teori Domino akan berjaya, Dr. Mahathir berkata kenyataan serupa ini boleh melemahkan semangat orang-orang Islam.

Dr. Mahathir kemudiannya menegaskan bahawa UMNO tidak percaya kepada Teori Domino, Asri menerima, PAS menerimanya.

Katanya: "Ertinya kalau PAS menang pun, komunis akan berjaya juga, ertinya PAS percaya bahawa satu hari nanti negeri ini akan dikuasai dan diduduki oleh komunis."

"Kita tidak percaya, kita tidak percaya negara kita akan jatuh kerana kita percaya kepada ketahanan kita sendiri dan kesanggupan rakyat untuk mempertahankan negara."

"Keyakinan kepada Teori Domino adalah menunjukkan bahawa kita tidak percaya kepada

pemimpin PAS itu.

"Kita tidak mesti lemah semangat seperti yang dikehendaki oleh Asri, kita mesti terus percaya kepada diri sendiri dan kekuatan kita," tegasnya.

Dr. Mahathir seterusnya menolak dakwaan PAS bahawa UMNO tidak melaksanakan undang-undang Islam.

"Perjuangan UMNO tidak bertentangan dengan ajaran Islam dan tuduhan tidak jalankan hukum Islam itu adalah merupakan taksiran."

Sebaliknya pada pandangan kita, kata Dr. Mahathir, PAS dengan kempenya untuk menegakkan negara Islam telah meletakkan agama Islam dan umat Islam di negara ini di dalam keadaan bahaya.

Dr. Mahathir juga menolak tuduhan Datuk Asri bahawa kerajaan telah menyalahgunakan kuasa Akta Keselamatan Dalam Negeri dengan menangkap tokoh-tokoh PAS.

UMNO sendiri sedang ditahan di bawah undang-undang ini," tegasnya.

Dr. Mahathir juga mengingatkan bahawa PAS sendiri sebelum menyokong Akta Keselamatan Dalam Negeri sekalipun DAP telah mengingatkannya tentang kemungkinan orang-orang PAS sendiri akan ditahan.